

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika “Territorial Sea Act 2012 (Act 750)” sudah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan jika tujuan Akta tersebut adalah untuk pengambil alihan Kerajaan Persekutuan atas perairan Sabah (hingga 200 nautical miles).

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal memandangkan tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No. 7 1969 yang telah berhenti berkuatkuasa setelah proklamasi darurat diungkai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 17

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada cadangan untuk membina lapangan terbang di kawasan pedalaman boleh diberi sokongan yang positif memandangkan kegiatan ekonomi dan pertambahan kependudukan sudah mulai menuju ke arah kepesatan kegiatan perniagaan dan perhubungan di antara pengeluar dan pengguna terutama sekali dengan pertumbuhan industri pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kesalinghubungan di antara kawasan bandar dan pedalaman. Sebarang cadangan untuk membina lapangan terbang di pedalaman akan diberi sokongan yang positif setelah kajian kesesuaian mengenainya dilaksanakan terlebih dahulu.

Sehingga hari ini, Malaysia mempunyai 18 padang terbang atau dikenali sebagai *Short Take-off and Landing (STOL) port*. Dengan adanya STOL port ini, kegiatan ekonomi di kawasan pedalaman semakin bertambah samada melalui kegiatan perniagaan mahupun pelancongan sepetimana di kawasan sekitar STOL port Kudat, Mukah, Bario, Semporna, Pangkor dan sebagainya.